

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana tahap keterangkuman akses jaringan Internet ke kawasan-kawasan pedalaman dalam Parlimen Kemaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghasilkan sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Terengganu telah meningkat kepada 94.71% pada suku ketiga 2021 berbanding 93.68% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku ketiga 2020. Manakala di Parlimen Kemaman pula, peratusan liputan jalur lebar 4G telah meningkat kepada 94.61% berbanding 84.78% sebelum pelaksanaan JENDELA.

Apabila kesemua inisiatif Fasa 1 siap kelak, liputan 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Kemaman dijangka akan meningkat kepada 96.25% menjelang penghujung tahun 2022. Usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan di kawasan-kawasan yang telah mempunyai liputan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Antara inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Terengganu dan Parlimen Kemaman melalui JENDELA di bawah Fasa 1 setakat 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
Kemaman	13	8	208	148	9,944	7,653
Terengganu	99	25	1,109	867	41,998	27,457

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaik taraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan rakyat sentiasa diutamakan.

Para pengguna digalakkan untuk melayari portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan ke dalam perancangan masa hadapan. Maklumat yang diperolehi daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, Pihak Kerajaan akan turut melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence (PoP)* hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

SOALAN NO : 102

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Pelaksanaan PoP bagi Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah manakala bagi Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap menjelang akhir RMK-12 Tahun 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan jumlah PoP di kawasan luar bandar di negeri Terengganu adalah sebanyak 224 manakala secara khususnya bagi Parlimen Kemaman adalah sebanyak 38.